| **PRODUCT DISCLOSURE SHEET**<br><br>**(Read this Product Disclosure Sheet before you decide to purchase the Enhanced Touch ‘n Go Card with NFC Capability. Be sure to also read the general terms and conditions).** | **Touch ‘n Go Sdn Bhd (406400-X)**<br><br>**ENHANCED TOUCH ‘N GO CARD WITH NFC CAPABILITY**<br><br>**8 December 2025** |
|---|---|

## 1. What is Enhanced Touch ‘n Go with NFC Capability?

The Enhanced Touch ‘n Go Card with NFC Capability (“Enhanced Card” or “card”) provided by Touch ‘n Go Sdn Bhd (“TNGSB”) is an electronic purse that can be used to pay for toll usage at all highways in West Malaysia, major public transportation services in Klang Valley and outside of Klang Valley except Rapid Kuantan and limited lanes across KTMB, selected parking sites, selected retail and food outlets and theme parks in Malaysia.

Unlike the normal Touch ‘n Go card, the Enhanced Card is equipped with the latest Near Field Communication (“NFC”) technology to enable and facilitate reload via Touch 'n Go eWallet. The Enhanced Card will be sold at the following locations:

a) Touch ‘n Go eWallet Lazada eShop;
b) Touch ‘n Go eWallet;
c) Touch ‘n Go Service & Sales Centres;
d) Touch ‘n Go Customer Service Centres by Service Providers;
e) Touch ‘n Go Reload Counters at authorized agents and merchants; and
f) Touch ‘n Go SPOT Counters at participating Petrol Service Stations

Users may use the Enhanced Card after it has been reloaded with electronic money via Touch ‘n Go eWallet. User may also opt to reload the card at any Touch ‘n Go Service & Sales Centres, Touch ‘n Go SPOTs at selected petrol stations, Customer Service Counters along selected highways, LRT stations, selected KTM Komuter stations, MRT stations, ATM/CDM at participating banks, Self Service Kiosk (SSK) and any TNGSB authorized agents. The reload denomination should be in a multiplier of RM10.00. Reload value ranges from minimum RM10.00 and maximum RM500.00 via the Touch ‘n Go eWallet. For the physical touchpoints, it will be any amount stipulated by TNGSB authorized agents. The maximum card limit or maximum reload value of a card is RM1,500.00 at any one time.

By using the Enhanced Card, you will no longer be required to look for physical touchpoints to complete your reload. Please view the information on Enhanced Touch ‘n Go Card at https://www.touchngo.com.my/consumer/toll/card or call us at 03-2714 8888 for more details.

## 2. What are the fees and charges I will have to pay?

<table>
<tr><td>Card Price</td><td>
<ul>
<li>Generic Card Design - RM10.00 per card (without reload value).</li>
<li>Limited Edition Card Designs (without reload value):
<ul>
<li>Limited Edition Card: RM25</li>
<li>Limited Edition Card with LED Light: RM27 - RM35</li>
</ul></li>
</ul>
</td></tr>
<tr><td>Card Replacement</td><td>
<ul>
<li>Card that is faulty/malfunction will be replaced within thirty (30) days based on TNGSB’s product warranty from date of purchase, without any charges. The receipt must be presented as proof.</li>
<li>Any card replacement due to faulty/malfunction to the functionality of such card after thirty (30) days from the date of purchase, the user shall be charged the full price of the new Generic Card design or of the Limited Edition Card designs based on the pricings listed in the ‘Card Price’ section of this document.</li>
</ul>
</td></tr>
<tr><td>Reload Service Fee</td><td>
<table>
<tr><th>No.</th><th>Operators</th><th>Service Charge (RM) per reload denomination</th></tr>
<tr><td>1</td><td>Touch 'n Go eWallet</td><td>Nil</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Highways</td><td>Nil</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Public Transports (KTM)</td><td>Nil</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Public Transport (LRT)</td><td>0.50</td></tr>
<tr><td>5</td><td>Third Party Agents</td><td>0.50</td></tr>
<tr><td>6</td><td>Petrol Stations</td><td>0.50</td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Sales & Services Tax (SST)</td><td>The prices herein stated are subject to zero-rated (0%) SST.</td></tr>
</table>

## 3. What are the key terms of this product?

- You are reminded to register your Enhanced Card via TNGSB Portal at https://tngportal.touchngo.com.my/#login or TNGSB Careline at 03- 2714 8888
- The Enhanced Card has a lifespan of seven (7) years, or any other period as determined by TNGSB. Please refer to the Enhanced Touch ‘n Go Card Terms and Condition at this link for

latest information.

- You are required to complete your e-Know Your Customer (eKYC) on your Touch 'n Go eWallet to be able to reload the card via the Touch 'n Go eWallet. If this is not feasible, you may still reload the card via physical touchpoints listed in Section 2.
- The maximum card limit or maximum reload value of a card is RM1,500.00 at any point of time.
- You are allowed to reload a minimum of RM10 and a maximum of RM500 via the Touch n' Go eWallet. For the physical touchpoints, it will be as stipulated by the relevant TNGSB authorized operators.
- Card Serial No. (MFG number) and Expiry Date are indicated on the card.

## 4. What are the major risks?

In the event that your card is stolen or lost, there is a possibility of unauthorized usage. You should notify TNGSB immediately and TNGSB will assist you in ceasing the account, as your card may still be used by any unauthorized third party. TNGSB shall not be liable for any unauthorized use of card.

## 5. What do I need to do if there are changes to my contact details?

You are required to inform TNGSB of any changes in your contact details to ensure that all correspondence reaches you in a timely manner.

For registered customer, you may also update your contact details via TNGSB Portal at https://tngportal.touchngo.com.my/#login .

## 6. Where can I get further information?

For more information, please call us at 03-2714 8888, visit our website at www.touchngo.com.my or walk-in to our TNGSB Customer Service Centre or TNGSB Service & Sales Centres at the addresses stated below.

If you have any enquiries or complaints related to our products and services, you may also contact us at:

| Details | Operating Hours |
|---|---|
| **Bangsar South Service and Sales Centre**<br>Ground Floor<br>Tower 6 Avenue 5, Bangsar South<br>No. 8, Jalan Kerinchi<br>59200 Kuala Lumpur | Monday – Friday<br>9:00am to 5:00pm<br>Closed on Weekend & Public Holidays |
| **NU Sentral Service and Sales Centre**<br>Lot L2.07, Level 2<br>NU Sentral Shopping Centre<br>No. 201, Jalan Tun Sambanthan 50470 Kuala Lumpur | Monday - Sunday<br>10.00am to 10.00pm<br>(Inclusive Public Holiday) |

| | |
|---|---|
| **Touch 'n Go Careline**<br>Careline: 03-2714 8888<br>Fax : 03-2714 8889<br>E-mail: careline@touchngo.com.my | Monday - Friday<br>8.00am to 8.00pm |

If our reply to your query or complaint is not satisfactory, you may contact the following bodies:

**Bank Negara Malaysia**

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)

Website: https://www.bnm.gov.my/

**Contact Centre (BNMLINK)**

Complaint Form available at https://bnm.gov.my/BNMLINK

4th Floor,
Podium Bangunan AICB,
No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.

**Financial Markets Ombudsman Service**

(formerly known as Ombudsman for Financial Services) Company No: 2000401025885

Level 14, Main Block,
Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur.

General Line: +603 22722811

Website: www.fmos.org.my

## 7. Other products available

a) Touch 'n Go Card

b) BIZSpoke Card (Formerly known as 'Special Design Card')

c) Pukal Fleetpass (Fleet XS & Biz XS)

d) Reload Terminal System

e) MyKad (Government Multi-purpose Smart Card with Touch 'n Go features)

f) Form Factor (Radio Frequency Identification Tag also known as 'RFID Tag')

The information provided in this product disclosure sheet is valid as of **8 DECEMBER 2025**

| LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK<br><br>(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Kad Touch 'n Go Dipertingkat dengan Keupayaan NFC. Pastikan bahawa anda juga membaca terma dan syarat am). | Touch 'n Go Sdn Bhd (406400-X)<br><br>KAD TOUCH 'N GO DIPERTINGKAT DENGAN KEUPAYAAN NFC<br><br>8 DECEMBER 2025 |
|---|---|

**1. Apakah itu Touch 'n Go Dipertingkat dengan Keupayaan NFC?**

Kad Touch 'n Go Dipertingkat dengan Keupayaan NFC ("Kad Dipertingkat" atau "kad") yang disediakan oleh Touch 'n Go Sdn Bhd ("TNGSB") ialah dompet elektronik yang boleh digunakan untuk membuat bayaran bagi penggunaan tol di semua lebuh raya di Malaysia Barat, perkhidmatan pengangkutan awam utama di Lembah Klang dan di luar Lembah Klang kecuali Rapid Kuantan dan laluan terhad di KTMB, tempat letak kereta terpilih, kedai runcit dan makanan terpilih serta taman tema di Malaysia.

Tidak seperti kad Touch 'n Go biasa, Kad Dipertingkat ini dilengkapi dengan teknologi Komunikasi Medan Dekat ("*Near Field Communication*") terkini untuk membolehkan dan memudahkan tambah nilai melalui e-Dompet Touch 'n Go. Kad Dipertingkat ini akan dijual di lokasi berikut:

g) e-Kedai Lazada bagi e-Dompet Touch 'n Go;
h) e-Dompet Touch 'n Go;
i) Pusat Perkhidmatan & Jualan Touch 'n Go;
j) Pusat Khidmat Pelanggan Touch 'n Go oleh Pemberi Perkhidmatan;
k) Kaunter Tambah Nilai Touch 'n Go di ejen dan peniaga yang dibenarkan; dan
l) Kaunter Touch 'n Go SPOT di Stesen Minyak penyertaan.

Para pengguna boleh menggunakan Kad Dipertingkat ini selepas ia telah ditambah nilai dengan wang elektronik melalui e-Dompet Touch 'n Go. Pengguna juga boleh memilih untuk menambah nilai kad di mana-mana Pusat Perkhidmatan & Jualan Touch 'n Go, Touch 'n Go SPOT di stesen minyak terpilih, Kaunter Khidmat Pelanggan di lebuh raya terpilih, stesen LRT, stesen KTM Komuter terpilih, stesen MRT, ATM/CDM di bank penyertaan, mesin Kios Layan Diri ("*Self-Service Kiosk*" atau SSK) dan mana-mana ejen yang dibenarkan oleh TNGSB. Unit tambah nilai seharusnya dalam pengganda RM10.00. Julat nilai bagi tambah nilai adalah daripada minimum RM10.00 dan maksimum RM500.00 melalui e-Dompet Touch 'n Go. Bagi titik sentuh fizikal, ia akan merupakan apa-apa amaun yang ditetapkan oleh ejen yang dibenarkan oleh TNGSB. Had kad maksimum atau nilai bagi tambah nilai maksimum untuk satu kad ialah RM1,500.00 pada satu-satu masa.

Dengan menggunakan Kad Dipertingkat, anda tidak lagi dikehendaki supaya mencari titik sentuh fizikal untuk menyelesaikan tambah nilai anda. Sila lihat maklumat mengenai Kad Touch 'n Go

Dipertingkat pada pautan https://www.touchngo.com.my/consumer/toll/card atau buat panggilan kepada kami pada talian 03-2714 8888 untuk mendapatkan butiran lanjut.

## 2. Apakah fi dan caj yang akan perlu saya bayar?

| | |
|---|---|
| Harga Kad | ▪ Kad Generik: RM10.00 bagi setiap kad (tanpa nilai bagi tambah nilai).<br>▪ Kad Edisi Terhad (tanpa nilai bagi tambah nilai):<br>o Kad Edisi Terhad: RM25<br>o Kad Edisi Terhad dengan Lampu LED: RM27 - RM35 |
| Penggantian Kad | • Kad yang rosak atau bermasalah akan diganti dalam masa (30) hari dari tarikh pembelian, tanpa dikenakan bayaran berdasarkan Waranti Produk TNGSB. Resit pembelian perlu dikemukakan sebagai bukti pembelian.<br>• Sebarang penggantian kad yang disebabkan oleh kerosakan kepada fungsi kad tersebut selepas (30) hari dari tarikh pembelian, pengguna perlu membayar harga penuh untuk Kad Generik atau Kad Rekaan Khas berdasarkan harga yang telah ditetapkan seperti yand tertera di seksyen 'Harga Kad' di dalam dokumen ini. |
| Fi Perkhidmatan Tambah Nilai | (see table below) |
| Cukai Jualan & Perkhidmatan (SST) | Harga yang dinyatakan di sini adalah tertakluk kepada SST berkadar sifar (0%). |

Fi Perkhidmatan Tambah Nilai:

| Bil. | Pengendali | Caj Perkhidmatan (RM) bagi setiap unit tambah nilai |
|---|---|---|
| 1 | e-Dompet Touch 'n Go | Tiada |
| 2 | Lebuh Raya | Tiada |
| 3 | Pengangkutan Awam (KTM) | Tiada |
| 4 | Pengangkutan Awam (LRT) | 0.50 |
| 5 | Ejen Pihak Ketiga | 0.50 |
| 6 | Stesen Minyak | 0.50 |

## 3. Apakah terma-terma utama produk ini?

- Anda diingatkan supaya mendaftarkan Kad Dipertingkat anda melalui Portal TNGSB pada pautan https://tngportal.touchngo.com.my/#login atau Khidmat Pelanggan (*Careline*) TNGSB pada talian 03- 2714 8888
- Kad Dipertingkat mempunyai jangka hayat selama tujuh (7) tahun atau apa-apa tempoh lain seperti yang ditentukan oleh TNGSB. Sila rujuk kepada Terma dan Syarat Kad Touch 'n Go Dipertingkat pada pautan ini untuk mendapatkan maklumat terkini. .
- Anda dikehendaki supaya melengkapkan e-Ketahui Pelanggan Anda ("*e-Know Your Customer*" atau eKYC) anda pada e-Dompet Touch 'n Go anda agar dapat menambah nilai kad melalui e-Dompet Touch 'n Go. Jika perkara ini tidak boleh dilaksanakan, anda masih boleh menambah nilai kad melalui titik sentuh fizikal yang disenaraikan dalam Seksyen 2.
- Had kad maksimum atau nilai bagi tambah nilai maksimum untuk satu kad ialah RM1,500.00 pada mana-mana satu masa.
- Anda dibenarkan menambah nilai sebanyak minimum RM10 dan maksimum RM500 melalui e-Dompet Touch n ' Go. Bagi titik sentuh fizikal, ia akan merupakan seperti yang ditetapkan oleh pengendali berkaitan yang dibenarkan oleh TNGSB.
- No. Siri Kad (nombor MFG) dan Tarikh Tamat Tempoh dipaparkan pada kad.

**4. Apakah risiko utama?**

Sekiranya kad anda dicuri atau hilang, terdapat kemungkinan penggunaan tanpa kebenaran. Anda seharusnya memberitahu TNGSB dengan segera, dan TNGSB akan membantu anda memberhentikan akaun, kerana kad anda masih boleh digunakan oleh mana-mana pihak ketiga tanpa kebenaran. TNGSB tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa penggunaan kad tanpa kebenaran.

**5. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat apa-apa perubahan kepada maklumat perhubungan saya?**

Anda dikehendaki supaya memberitahu TNGSB mengenai sebarang perubahan kepada maklumat perhubungan anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Untuk pelanggan berdaftar, anda juga boleh mengemaskinikan maklumat perhubungan anda melalui Portal TNGSB pada pautan https://tngportal.touchngo.com.my/#login .

**6. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila buat panggilan kepada kami pada talian 03-2714 8888, lawati laman web kami pada pautan www.touchngo.com.my atau kunjungi Pusat Khidmat Pelanggan TNGSB atau Pusat Perkhidmatan & Jualan TNGSB di alamat yang dinyatakan di bawah.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan berkaitan dengan produk dan perkhidmatan kami, anda juga boleh menghubungi kami di:

| Maklumat | Waktu operasi |
|---|---|
| **Pusat Perkhidmatan & Jualan Bangsar South**<br>Tingkat Bawah<br>Menara 6, Avenue 5, Bangsar South<br>No. 8, Jalan Kerinchi<br>59200 Kuala Lumpur | Isnin – Jumaat<br>9:00 pagi hingga 5:00 petang<br>(Tutup pada Hujung Minggu & Hari Kelepasan Am) |
| **Pusat Perkhidmatan & Jualan NU Sentral**<br>Lot L2.07, Aras 2<br>Pusat Beli-Belah NU Sentral<br>No. 201, Jalan Tun Sambanthan<br>50470 Kuala Lumpur | Isnin – Jumaat<br>10.00 pagi hingga 10.00 malam<br>(Termasuk Hari Kelepasan Am) |
| Talian Khidmat Pelanggan (*Careline*):<br>03-2714 8888<br>No. Faks: 03-2714 8889<br>E-mel: careline@touchngo.com.my | Isnin-Jumaat<br>8.00 pagi hingga 8.00 malam |

Jika jawapan kami kepada pertanyaan atau aduan anda tidak memuaskan, anda boleh menghubungi badan-badan berikut:

**Bank Negara Malaysia**

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)

Laman Web: https://www.bnm.gov.my/

**Pusat Perhubungan (BNMLINK)**

Borang Aduan boleh didapati pada pautan https://bnm.gov.my/BNMLINK

4th Floor,
Podium Bangunan AICB,
No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.

**Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan**

(dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan) No. Syarikat: 2000401025885

Level 14, Main Block,
Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur.

Talian Am: +603 22722811

Laman Web: www.fmos.org.my

| 7. Produk lain yang tersedia |
|---|
| a) Kad Touch ‘n Go<br>b) Kad BIZSpoke (Dahulunya dikenali sebagai ‘Kad Reka Bentuk Khas’)<br>c) Pukal Fleetpass (Fleet XS & Biz XS)<br>d) Sistem Terminal Tambah Nilai<br>e) MyKad (Kad Pintar Pelbagai Guna pihak Kerajaan dengan ciri-ciri Touch ‘n Go)<br>f) Faktor Bentuk (*Form Factor*) (Tag Pengecaman Frekuensi Radio yang juga dikenali sebagai ‘Tag RFID’) |

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan produk ini adalah sah seperti pada

**8 DECEMBER 2025**